



Pembangunan Model Penghayatan Ibadah Maliyah: Analisis Keperluan Terhadap Mahasiswa Islam

¹Ahmad Ridwan bin Osman @ Hussin, ²Zaharah binti Hussin & ³Abdul Muhsin bin Sulaiman
^{1,2,3}Universiti Malaya

Article Info

Received:

01 April 2019

Accepted:

11 April 2019

Publish

15 April 2019

E-mail address:

*corresponding Author :
*osmanridwan77@gmail.com
zaharah@um.edu.my
muhsin.sulaiman@um.edu.my

Abstract

Kajian ini merupakan tinjauan terhadap keperluan pembinaan sebuah model panduan penghayatan ibadah maliyah bagi mahasiswa Islam. Ibadah Maliyah di dalam konteks kajian ini merujuk kepada amalan bersedekah. Dua kaedah pengumpulan data digunakan iaitu survei dan temu bual pakar. Seramai 218 mahasiswa di dua buah universiti awam menjawab soal selidik berkaitan tahap penghayatan sedekah. Manakala lima orang pakar dipilih untuk ditemu bual. Dapatan survei menunjukkan penghayatan sedekah yang melibatkan item-item bersifat amalan berada pada tahap yang rendah. Pakar-pakar yang ditemu bual juga memberi respon yang sangat positif terhadap keperluan dan kepentingan terhadap pembinaan sebuah model yang komprehensif bagi model penghayatan ibadah Maliyah bagi Mahasiswa Islam.

Keyword: Analisis Keperluan, Ibadah Maliyah, Sedekah, Mahasiswa Islam, Pakar

Pengenalan

Ibadah Maliyah meliputi pelbagai amalan yang berbentuk wajib digariskan di dalam Shariat Islam seperti zakat, nafkah tanggungan, *kaffarah*, *dam*, nazar, dan lain-lain, atau sunat seperti sedekah, hadiah, waqaf, hibah, dan lain-lain (Salwa Amirah, Fidlizan, Joni Tamkin, & Mohammad Taquiuddin, 2017). Konsep ibadah di dalam pengurusan harta berperanan meletakkan garis panduan bagi mengelak perbelanjaan atau *infaq* yang haram (Abdullaah & Muhamad, 2008). Kajian ini secara spesifik mengambil satu bahagian ibadah Maliyah iaitu sedekah.

Secara umum, sedekah berkait rapat dengan kebajikan yang ditakrifkan sebagai mengumpul dana kewangan untuk membantu orang yang memerlukan dan juga perbuatan baik dan memahami keperluan orang lain. Ia juga digambarkan sebagai rasa kasih terhadap sesama manusia yang meliputi kemurahan hati dan pertolongan terhadap orang yang memerlukan dengan memberi bantuan dari segi makanan, wang atau lain-lain. (Oxford Dictionary, 2005). Di dalam Islam sedekah merupakan instrumen kewangan dan ekonomi Islam yang mempunyai ciri-ciri yang fleksibel dan berbentuk sukarela. Ia boleh dianggap sebagai satu instrumen penyokong dan pelengkap (*supportive and complementary instrument*) bagi instrumen-instrumen yang wajib di dalam Islam seperti zakat, nafkah, *kaffarah* dan lain-lain (Norhanizah, 2014).

Sorotan Kajian

Konsep kepatuhan dan penghayatan agama ditekankan di dalam Falsafah Pendidikan Islam sebagai satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat (Portal Rasmi bahagian Pendidikan Islam, KPM). Namun keterujaan para belia menghayati amalan ibadah agak mengecewakan. Merujuk kajian Shukri, Yahya, Wan Abdul Rahman Khudri, Madiha, & Shahril Fazli (2014) dalam kalangan mahasiswa UUM mendapati 76 peratus responden tidak menunaikan solat berjemaah di masjid berbanding hanya 13.8 peratus sahaja yang menyatakan mereka bersolat jemaah di masjid. Fariza & Salahuddin (2015) pula melaporkan bahawa 87% remaja dengan sengaja pernah meninggalkan solat Fardhu manakala cuma 10 % sahaja yang melaksanakan solat fardhu pada waktunya, 30% remaja hampir tidak pernah membaca Al-Quran setiap hari. Manakala kajian terhadap pengamalan solat terhadap 150 orang pelajar politeknik di Sarawak berada pada tahap kurang memuaskan (Sharifah Nur, 2009). Data yang melaporkan secara spesifik menjurus kepada kajian penghayatan amal ibadah bersifat kebajikan dan kesukarelawanan seperti menderma pula mencatat laporan yang kurang memuaskan. Ini dibuktikan dengan kajian Dzuhaulmi, Krauss, Azimi, & Abd Hadi (2014) terhadap belia berbilang kaum mendapati min bagi item menjadi sukarelawan masjid/ aktiviti agama pada skor yang sangat rendah iaitu 1.86, Dilaporkan juga sikap menderma remaja berada pada tahap tidak memberangsangkan, hanya lapan orang daripada 30 orang yang menderma apabila kutipan derma amal dijalankan (Fariza & Salahuddin, 2015).

Kajian-kajian terhadap penghayatan Islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan pengajian tinggi telah banyak dijalankan yang meliputi aspek umum penghayatan Islam (Ortega & Krauss, 2013; (Krauss et al., 2012)) juga secara khusus di dalam aspek pemantapan akidah (Salbiah, Jamil, & Mohd Aderi, 2016; Rohana & Norhasni, 2014) penghayatan akhlak (Sarimah, Mohd Kashfi, Ab. Halim, & Kamarulzama, 2011; Rohana, Norhasni, Azimi, & Fathiyah, 2013) dan pengamalan ajaran Islam yang meliputi aspek ibadah *qawliyah*, *jismiyyah* dan *maliyyah* (Fariza & Salahuddin, 2015; Seri Kartini & Fariza, 2013). Kajian spesifik terhadap penghayatan ibadah *qawliyah* dan *jismiyyah* seperti amalan solat dan pengimarah masjid (Shukri et al., 2014; Sharifah Nur, 2009; Napisah, Salehudin, Mahadi, & Mohamed Razi, 2004). Begitu juga, kajian berkaitan pengamalan ritual agama (*ritual practices*) yang dijalankan telah banyak dipelopori oleh pengkaji luar negara (Faryniarz, 2009; Iannaccone & Iannacconet, 2016; Iannaccone, Haight, & Rubin, 2011; Jung, 2014; Corcoran, 2012; Abdel-Khalek, 2013; French, Eisenberg, Vaughan, Purwono, & Suryanti, 2008).

Kajian khusus di dalam amalan bersedekah terhadap mahasiswa di luar negara telah juga dijalankan bagi melihat tingkah laku kalangan mahasiswa di dalam amalan bersedekah (Knowles, Hyde, & White, 2012). Tinjauan Opoku (2013) terhadap faktor yang mempengaruhi orang muda bersedekah mengikut populasi sosiodemografik. Manakala Okun dan Sloane (2002) menguji hipotesis terhadap kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa namun agak kurang kecenderungan kajian terhadap amalan bersedekah ini di Malaysia kecuali (Salwa Amirah, Joni Tamkin, Mohamad Taqiudin, & Fidlizan, 2017) dan (Kashif, Syamsulang, & Azizah, 2015) melihat amalan bersedekah dalam kalangan dewasa yang sudah bekerja. Kajian penghayatan *Ibadah Maliyyah* yang lain juga bertumpu pada responden dewasa seperti kajian berkaitan zakat (Hairunnizam, Mohd Ali, & Sanep, 2005; Nur Barizah & Hafiz Majdi, 2010; Muhammad,

Ainulashikin, & Amir, 2006, Yusof, Ibadurrahman, Mohd Sholeh, & Mohd Shahid, 2017) dan pengurusan waqaf (Mohd Faisal, Mohd Faiz, Mazlin Hani, & Nurhanani, 2014; Amirul Faiz, 2015). Pengkaji melihat bahawa terdapat keperluan membina suatu model berkaitan amalan bersedekah yang khusus bagi kegunaan dan panduan orang muda terutama mahasiswa Islam. Justeru, satu analisis keperluan yang bersifat emperikal perlu dijalankan.

Metodologi

Kajian ini melibatkan dua pendekatan; pertama metodologi kuantitatif dengan menjalankan survei bagi menghasilkan dapatan deskriptif dan kedua metodologi kualitatif melalui sesi temu bual pakar.

Kaedah Survei/ Tinjauan

Kajian menggunakan pensampelan mudah (*convenience sampling*) yang dijalankan ke atas 218 sampel mahasiswa Islam di UIAM Gombak dan UiTM Seremban. Soalan kaji selidik yang mengandungi lapan item Penghayatan Ibadah Sedekah bagi mendapatkan respon mahasiswa Islam bagi item-item seperti “*Saya bersedekah kerana ia merupakan tuntutan agama Islam*” dan “*Saya sentiasa memperuntukkan sejumlah wang untuk tujuan sedekah di dalam perbelanjaan saya*”.

Kaedah Temu bual Pakar

Temu bual bagi mendapatkan pandangan terhadap keperluan pembinaan model ibadah maliyah dijalankan terhadap lima orang pakar bidang yang berkaitan dari institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia seperti Jadual 1.

Jadual 1: Profil Pakar

<i>Pakar</i>	<i>Bidang Utama Kepakaran</i>	<i>Jawatan</i>	<i>Pengalaman Akademik</i>
<i>P1</i>	Ekonomi Islam	Pensyarah kanan (Prof. Madya)	20 tahun
<i>P2</i>	Fiqh Muamalat	Pensyarah Kanan (Dr)	10 tahun
<i>P3</i>	Pendidikan / Usuluddin	Pensyarah Kanan (Dr)	15 tahun
<i>P4</i>	Pendidikan/ Fiqh Muamalat	Pensyarah Kanan	20 tahun
<i>P5</i>	Pengajian Islam/ Al-Quran	Pensyarah Kanan (Dr)	15 tahun

Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan jadual 2, Soal selidik yang diedarkan bagi meninjau persepsi mahasiswa terhadap lapan item yang tertera. Skala likert aras persetujuan dengan julat 1 hingga 7 digunakan. Bagi dua item iaitu “*Saya mengamalkan cara menguruskan kewangan sepertimana yang ditetapkan oleh agama Islam*” dan “*Saya sentiasa memperuntukkan sejumlah wang untuk tujuan sedekah di dalam perbelanjaan saya yang bersifat pengamalan ibadah sedekah menunjukkan peratus yang*

sangat rendah pada aras persetujuan “Sangat Setuju” iaitu 8.3% pada item lapan dan cuma 7.8% pada item lapan . Meskipun pada item-item lain yang mewakili kepercayaan bahawa ibadah sedekah itu merupakan tuntutan yang positif dapat menarik persepsi mahasiswa dengan aras “Sangat Setuju” yang tinggi seperti item “Saya percaya bahawa Allah pemilik mutlak semua harta” (50.5%) diikuti item “Saya percaya bahawa dengan bersedekah, saya dapat meringankan beban orang yang memerlukan” (47.2%). Kemudian diikuti dengan (46.3%) bagi item “Saya percaya bahawa bersedekah dapat mengikis sifat tamak”

Selain itu, data deskriptif juga menjelaskan persepsi mahasiswa Muslim terhadap penghayatan ibadah sedekah berada pada tahap sederhana iaitu pada nilai min keseluruhan 5.63 daripada skor tertinggi 7.00 dan sisihan piawai 1.06, walau bagaimanapun ianya jelas menunjukkan bahawa penghayatan ibadah sedekah tidak berada pada tahap terbaik. Dua item penghayatan ibadah sedekah menunjukkan nilai min dan sisihan piawai yang sangat sederhana iaitu item “Saya sentiasa memperuntukkan sejumlah wang untuk tujuan sedekah di dalam perbelanjaan saya” (M= 4.83, SP=1.25) dan “Saya mengamalkan cara menguruskan kewangan sepertimana yang ditetapkan oleh agama Islam (M= 4.67, SP= 1.35)”. Selain itu dua lagi item yang menunjukkan tahap sederhana tinggi iaitu “Saya bersedekah kerana ia merupakan tuntutan agama Islam” mencatat nilai (M=5.61, SP=1.55) manakala item “Saya sentiasa akan memastikan bahawa sedekah saya daripada sumber kewangan yang halal” dengan nilai (M= 5.89, SP= 1.30).

Jadual 2: Frekuensi Aras Persetujuan (Skala Likert 1 hingga 7)

No	Item	Frekuensi Aras Persetujuan (%)							Min	SP
		1	2	3	4	5	6	7		
1.	Saya bersedekah kerana ia merupakan tuntutan agama Islam	1.4	1.4	11.9	9.2	14.2	20.6	41.3	5.61	1.55
2.	Saya percaya bahawa Allah pemilik mutlak semua harta	0.5	0.5	4.1	11.0	6.0	27.5	50.5	6.06	1.25
3.	Saya percaya bahawa dengan bersedekah, saya dapat meringankan beban orang yang memerlukan	0.5	0.0	4.1	7.3	12.4	28.4	47.2	6.06	1.17
4.	Saya percaya bahawa bersedekah dapat mengikis sifat tamak	0.5	1.4	2.3	11.5	11.0	27.1	46.3	5.98	1.25
5.	Saya percaya bahawa orang yang bersedekah dipandang mulia di dalam agama	0.5	0.5	3.7	9.6	14.7	29.4	41.7	5.93	1.21
6.	Saya sentiasa akan memastikan bahawa sedekah saya daripada sumber kewangan yang halal	0.5	0.9	4.6	12.8	8.7	29.8	42.7	5.89	1.30
7.	Saya sentiasa memperuntukkan sejumlah wang untuk tujuan sedekah di dalam perbelanjaan saya	1.4	1.4	11.5	23.9	30.7	22.9	8.3	4.83	1.25
8.	Saya mengamalkan cara menguruskan kewangan sepertimana yang ditetapkan oleh agama Islam	2.3	2.3	14.2	25.7	25.7	22.0	7.8	4.67	1.35
	Purata	1.0	1.0	7.0	13.9	15.4	26.0	35.7	5.63	1.06

Petunjuk: 1= Sangat tidak setuju, 2= Tidak setuju, 3= Agak kurang setuju, 4= neutral 5= Agak setuju 6= Setuju 7= Sangat setuju



Manakala bagi sesi temu bual bersama lima orang pakar yang dipilih disusun mengikut beberapa topik perbualan seperti berikut:

a. Pandangan pakar terhadap keutamaan ibadah sedekah menurut perspektif Islam

Pandangan-pandangan pakar terhadap keutamaan ibadah sedekah menurut perspektif Islam disandarkan dengan ayat-ayat Al- Quran dan Hadis-hadis Rasulullah SAW seperti diutarakan oleh pakar 1 (P1); Allah berfirman yang bermaksud:

Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa

(Surah Al-Baqarah: 276)

Begitu juga ayat Al-Quran yang dinyatakan oleh pakar 4 (P4); Firman Allah yang bermaksud:

Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya

(Surah Al-Baqarah: 261)

Jelasnya, amalan bersedekah walaupun mengeluarkan harta atau wang untuk diberikan kepada orang lain namun dapat memberi kekayaan dan keberkatan semasa di dunia (P1). Lebih-lebih lagi pahala amalan sedekah ini tidak terhenti semasa hidup sahaja bahkan ia akan terus diberi ganjaran walaupun pemberi sedekah telah meninggal dunia begitu juga manfaat yang berterusan terhadap penerimanya (P2). Ganjaran pemberi sedekah di akhirat kelak sangat besar (P3). Malah ia digambarkan dengan gandaan ganjaran tujuh ratus kali ganda (P4). Rangkuman pandangan pakar terhadap keutamaan sedekah melalui perspektif Islam itu dapat dilihat sebagai keberkatan di dunia dan bekalan serta ganjaran yang besar di akhirat kelak.

b. Persepsi pakar terhadap penghayatan ibadah sedekah dalam kalangan mahasiswa Islam.

Penghayatan yang kurang memberangsangkan ddiluarkan oleh pakar-pakar. Ini jelas melalui pandangan responden pakar pertama (P1) berdasarkan kajian yang pernah beliau jalankan, sikap mementingkan diri sendiri jelas menunjukkan sikap mengutamakan keperluan orang lain dengan bersedekah tidak menjadi kecenderungan. Responden juga menekankan aspek pendidikan yang ada lompong yang tidak mampu memberi pemahaman terhadap nilai-nilai murni ini. Pakar kedua (P2) juga menyentuh aspek pendidikan dari peringkat rendah dan menengah terutama pendidikan Islam yang secara tidak langsung telah berjaya memberi pemahaman asas bahawa

menolong orang lain merupakan nilai murni yang telah diterapkan. Namun, beliau menggambarkan bahawa keberkesanan pada aspek amalan tidak begitu memberangsangkan.

c. Pandangan pakar terhadap faktor penghayatan ibadah sedekah dalam kalangan mahasiswa Islam.

Responden pakar 1 (P1) melihat bahawa pendidikan Islam dan mata pelajaran yang berkaitan diajar di sekolah perlu mencari punca kepada nilai-nilai yang diajarkan tidak dapat meresap ke dalam jiwa dan diamalkan dengan baik. Jelasnya beliau mengutarakan pendorong kepada amalan bersedekah ini selain pendidikan Islam, ialah peranan Institusi pendidikan di dalam proses pentarbiyahan bagi melahirkan individu pelajar yang menghayati ajaran Islam dengan baik. Merujuk juga kepada aspek pendidikan, responden pakar (P2) berpendapat bahawa dimensi agama di dalam kehidupan anak-anak perlu di perkemaskan dengan peranan utama pentarbiyahan oleh institusi pendidikan dan ibu bapa. Menurut beliau juga kefahaman agama sebagai motivasi untuk beramal ibadah termasuk melakukan sedekah. Ia juga disepakati oleh responden pakar 3 (P3) dengan penegasan bahawa amalan bersedekah dapat diterapkan dengan bimbingan yang berterusan. Gaya hidup di dalam keluarga juga penting, menurut beliau ibu-bapa yang mengutamakan perbelanjaan dengan memperuntukkan wang untuk bersedekah akan mewujudkan kebiasaan bersedekah di dalam keluarga. Berkongsi pandangan yang serupa, (P4) menyatakan bahawa semua nilai-nilai murni perlu dimulakan di rumah oleh ibu bapa. Manakala (P5) meluaskan skop dorongan bersedekah dapat dimotivasi oleh biah masyarakat yang pemurah dan suka tolong-menolong. Justeru, pengkaji meneliti beberapa faktor yang dapat disesuaikan dengan saranan literatur bagi membantu pembinaan elemen-elemen model ini.

d. Pandangan pakar terhadap keperluan pembinaan model penghayatan ibadah maliyah (amalan sedekah).

Pelbagai pandangan positif melalui persoalan-persoalan yang dikemukakan sebelum ini membuktikan keperluan kepada pembinaan model yang dibincangkan. Walaubagaimanapun kesemua pakar yang ditemu bual memberi penegasan yang lebih jelas dengan pernyataan berikut:

“Definitely saya setuju...memang terdapat keperluan...model yang saya harapkan saudara dapat buat ini... terutamanya dengan aspek tarbiyah ditekankan (supaya kesedaran bersedekah) itu sampai boleh melaksanakan” (P1)

“Memang saya bersetuju wujud keperluan membina model penghayatan ibadah maliyah ini...kerana manusia perlu didorong ...sekiranya model ini dapat membentuk satu kaedah yang komprehensif menggalakkan memberi penghayatan kepada mahasiswa ianya sangat baik”(P2).

“Ia (model ini) memang perlu kerana asasnya ialah ilmu dan persekitaran yang mendorong amalan sedekah ini diketengahkan... ia merupakan gabungan yang baik... supaya ia dapat menjadi rujukan yang baik pada tahap pelaksanaan” (P3)

Responden pakar (P4) dan (P5) turut bersetuju bahawa satu model seperti ini sebagai panduan dan galakan bukan sekadar untuk ibadah sedekah malahan panduan untuk ibadah-ibadah dan usaha-usaha kebajikan yang lain. Jelasnya terdapat keperluan pembinaan model seumpama ini



malahan kepentingan menerapkan beberapa aspek yang diutarakan akan menjadikan model penghayatan ibadah maliyah yang akan dibina merangkumi aspek yang bermanfaat dan komprehensif.

Kesimpulan

Dua peringkat pengumpulan data telah dijalankan di dalam fasa analisis keperluan ini iaitu; soal selidik yang diedarkan kepada mahasiswa Islam dan yang kedua temu bual dengan lima orang responden pakar. Dapatan menunjukkan ada keperluan yang tinggi terhadap pembinaan model penghayatan ibadah sedekah dalam kalangan mahasiswa Islam kerana tahap penghayatan yang kurang memuaskan dari beberapa item yang ditanyakan kepada responden mahasiswa seperti pengurusan perbelanjaan secara Islami dan prioriti terhadap perbelanjaan sendiri berbanding bersedekah. Lebih-lebih lagi dapatan temu bual bersama responden pakar merumuskan keperluan pembinaan model ini dengan isyarat yang sangat kuat sekali melalui penekanan dan keutamaan dari ayat Al-Quran dan Al-Hadis serta pengamatan oleh pakar-pakar tersebut terhadap amalan sedekah dalam kalangan mahasiswa. Di samping keperluan pembinaan model ini sebagai panduan kepada pihak-pihak yang terlibat.

Rujukan

- Abdel-Khalek, A. M. (2013). Personality dimensions and religiosity among Kuwaiti Muslim college students. *Personality and Individual Differences*, 54(2), 149–152. <https://doi.org/10.1016/j.paid.2012.08.004>
- Abdullaah, J., & Muhamad, M. (2008). Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistemik: Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 2(1), 53–72.
- Amirul Faiz, O. (2015). *Factor Influencing Cash Waqf Giving Behaviou : A Revised Theory Of Planned Behaviour*.
- Corcoran, K. E. (2012). Religious human capital revisited : Testing the effect of religious human capital on religious participation. <https://doi.org/10.1177/1043463112453550>
- Dzuhailmi, D., Krauss, S. E., Azimi, H., & Abd Hadi, S. (2014). Pegangan Agama dalam kalangan Belia Awal Pelbagai Kaum di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(1), 117–130.
- Fariza, M. S., & Salahuddin, Y. (2015). Religiosity of Muslim adolescents from single parent families living in government-subsidised settlement. *Global Journal Al-Thaqafah*, 5(2), 31–42. Retrieved from <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-84953324445&partnerID=40&md5=e6d9c806a6dc0f9388588ddd5b5ac5ef>
- Faryniarz, M. (2009). The Determinants of Religious Participation in Canada. *Western Undergraduate Economics Review*. Retrieved from <http://economics.uwo.ca/undergraduate/undergraduaterewiew/undergraduaterewiew09/faryniarz.pdf>
- French, D. C., Eisenberg, N., Vaughan, J., Purwono, U., & Suryanti, T. a. (2008). Religious involvement and the social competence and adjustment of Indonesian Muslim adolescents. *Developmental Psychology*, 44(2), 597–611. <https://doi.org/10.1037/0012-1649.44.2.597>
- Hairunnizam, W., Mohd Ali, M. N., & Sanep, A. (2005). Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya? *Ijms*, 12(2), 171–189. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/732/>



- Iannaccone, L. R., Haight, C. E., & Rubin, J. (2011). Lessons from Delphi: Religious markets and spiritual capitals. *Journal of Economic Behavior and Organization*, 77(3), 326–338. <https://doi.org/10.1016/j.jebo.2010.11.005>
- Iannaccone, L. R., & Iannacconet, L. R. (2016). *Second Thoughts : A Response to Chaves , Demerath , and Ellison* Published by : Wiley on behalf of Society for the Scientific Study of Religion Stable URL : <http://www.jstor.org/stable/1386528> *Second Thoughts : A Response to*, 34(1), 113–120.
- Jung, J. H. (2014). Religious Attendance, Stress, and Happiness in South Korea: Do Gender and Religious Affiliation Matter? *Social Indicators Research*, 118(3), 1125–1145. <https://doi.org/10.1007/s11205-013-0459-8>
- Kashif, M., Syamsulang, S., & Azizah, H. (2015). Charity donation : intentions and behaviour. <https://doi.org/10.1108/MIP-07-2013-0110>
- Knowles, S. R., Hyde, M. K., & White, M. K. (2012). Predictors of Young People ' s Charitable Intentions to Donate Money : An Extended Theory of Planned Behavior Perspective. *Journal of Applied Social Psychology*, 1–15. <https://doi.org/10.1111/j.1559-1816.2012.00932.x>
- Krauss, S. E., Hamzah, A., Ismail, I. A., Suandi, T., Hamzah, S. R., Dahalan, D., & Idris, F. (2012). Religious socialization among Malaysian Muslim adolescents: A family structure comparison. *Review of Religious Research*, 54(4), 499–518. <https://doi.org/10.1007/s13644-012-0068-z>
- Mohd Faisal, M. Y., Mohd Faiz, M. Y., Mazlin Hani, H., & Nurhanani, R. (2014). Cash Waqf and Infaq : A Proposed e-Philanthropy in Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 1–10.
- Muhammad, M., Ainulashikin, M., & Amir, S. (2006). *Factors influencing individual participation in zakat contribution: exploratory investigation*.
- Napisah, H., Salehudin, S., Mahadi, K., & Mohamed Razi, M. S. (2004). Pelaksanaan Ibadah Solat Fardhu di Kalangan Guru Pelatih Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, 5.
- Norhanizah, J. (2014). Proceeding of the 1st International Conference on Management and Muamalah 2014. In *Amalan Infaq dalam Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Tabung Infaq, Satu Analisis Awal* (Vol. 1, pp. 160–166).
- Nur Barizah, A. B., & Hafiz Majdi, A. R. (2010). Motivations of Paying Zakat on Income : Evidence from Malaysia. *International Journal of Economics and Finance*, 2(3), 76–84.
- Okun, M. A., & Sloane, E. S. (2002). Application of Planned Behavior Theory to Predicting Volunteer Enrollment by College Students in a Campus-Based Program. *Social Behavior and Personality*, 30(3), 243–250. <https://doi.org/10.2224/sbp.2002.30.3.243>
- Opoku, R. A. (2013). Examining the motivational factors behind charitable giving among young people in a prominent Islamic country. *International Journal of Nonprofit & Voluntary Sector Marketing*, 18(3), 216–230. <https://doi.org/10.1002/nvsm>
- Ortega, A., & Krauss, S. E. (2013). Religiosity among Muslim adolescents according to gender and school type. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 21(July), 139–146.
- Oxford Dictionary. (2005). Oxford Advanced Learner's Dictionary. *Oxford Advanced Learners Dictionary*. <https://doi.org/10.2307/3586015>
- Rohana, T., & Norhasni, Z. A. (2014). Akidah, Akhlak Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Belia Di Institusi Pengajian Tinggi. *Edusentris*, 1(1). Retrieved from <http://ejournal.sps.upi.edu/index.php/edusentris/article/view/12>
- Rohana, T., Norhasni, Z. A., Azimi, H., & Fathiyah, M. F. (2013). Pengaruh Faktor Psikososial ke Atas Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia Institusi Pengajian Tinggi Awam Terpilih di Malaysia (The Influence of Psychosocial Factors on Islamic Moral Value (Akhlaq) Among Youth in Selected Public University). *Jurnal Personalia Pelajar*, 16, 55–64.



- Salbiah, M. S., Jamil, A., & Mohd Aderi, C. N. (2016). Systematic Literature Review of Islamic Oriented Scale in Malaysia Jamil bin Ahmad. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 6(11), 2222–6990. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS>
- Salwa Amirah, A., Fidlizan, M., Joni Tamkin, B., & Mohammad Taquiuddin, M. (2017). The Concept of Charity in Islam: An Analysis on the Verses of the Quran and Hadith. *Journal of Usuludin*, 45(1), 141–172. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2013.13.e.13015>.Federal
- Salwa Amirah, A., Joni Tamkin, B., Mohamad Taquiudin, M., & Fidlizan, M. (2017). The Scenario Of Giving to beggars: A behavioural analysis among Malaysians, 39–50.
- Sarimah, M., Mohd Kashfi, M. J., Ab. Halim, T., & Kamarulzama, A. G. (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor. *Global Journal Al-Thaqafah*, 1(1), 71–77. <https://doi.org/10.7187/GJATO72011.01.01>
- Seri Kartini, J., & Fariza, M. S. (2013). Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar , Ipoh The Practice of Islamic Teachings among the Student of Ungku Omar Polytechnic , Ipoh. *Islamiyyat*, 35(1), 29–38.
- Sharifah Nur, A. (2009). Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak. *International Seminar on Research in Islamic Studies 2 (ISRIS 2)*.
- Shukri, A., Yahya, D., Wan Abdul Rahman Khudri, Madiha, M. I., & Shahril Fazli, M. H. (2014). Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia, 2014(June), 786–797.
- Surah.my. (2015). Terjemahan Al Quran Bahasa Melayu. Retrieved from <http://www.surah.my/13>
- Yusof, O., Ibadurrahman, A., Mohd Sholeh, S. Y., & Mohd Shahid, A. M. S. (2017). The Influence of Attitude , Subjective Norm , and Islamic Religiosity on Compliance Behavior of Income Zakat Among Educators, 7(11), 1110–1116.